

Kelewatan perbaharui TOL jejaskan 2,200 pekebun

BH. 17/1/2019, ms. 14

Cameron Highlands: Kira-kira 2,200 pekebun di sini yang mengusahakan aktiviti pertanian di bawah lesen pendudukan sementara (TOL) berdepan ketidaktentuan menguruskan ladang selepas urusan pembaharuan TOL kerap mengalami kelewatan.

Setiausaha Pertubuhan Pekebun Sayur Sayuran Cameron Highlands, Chay Ee Mong, berkata kelewatan kelulusan oleh Pejabat Tanah dan Daerah, menyebabkan ada pekebun terpaksa menguruskan ladang tanpa permit atau kelulusan baharu.

Tanpa kelulusan pembaharuan TOL, katanya, sukar bagi mereka mengembangkan aktiviti pertanian, malah turut berdepan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman kewangan bank.

"Isu tanah khas pertanian ini isu lama. Sudah berlarutan sejak 40 tahun. Isu ini masih belum selesai sepenuhnya memandangkan lebih kurang 2,200 petani yang mengusahakan pertanian dan bunga-bungaan, adalah pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian di atas tanah TOL."

Mesti perbaharui setiap tahun


"TOL mesti diperbaharui setiap tahun. Kami ada masalah sebab ia ambil masa dan petani kena tunggu lama," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, tempoh pendek iaitu setahun selain kelulusan lewat menyebabkan ramai petani berdepan masalah mendapatkan perkhidmatan dan faedah tertentu seperti pinjaman bank.

Ee Mong berkata, itu sebabnya mereka memohon pajakan menerusi TOL selama 30 tahun supaya menikmati banyak kemudahan dan persijilan untuk program My Organic My Care.

"Pengambilan pekerja asing memerlukan kami melampirkan TOL. Jabatan Imigresen mahu kami tunjukkan TOL terkini, kalau tidak kelulusan tidak diberi untuk ambil pekerja asing."

"Pekebun tiada pilihan selain meneruskan pertanian (tanpa kelulusan TOL). Jika tidak kami akan kerugian," katanya.



Sudah berlarutan sejak 40 tahun. Isu ini masih belum selesai sepenuhnya memandangkan lebih kurang 2,200 petani yang mengusahakan pertanian dan bunga-bungaan, adalah pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian di atas tanah TOL"

Chay Ee Mong,

Setiausaha Pertubuhan Pekebun

Sayur Sayuran Cameron Highlands